



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 10 pagi, 20 Januari 2026

Untuk Terbitan Media
20 Januari 2026

SIARAN MEDIA

KEHILANGAN SEORANG AYAH, PERLINDUNGAN BUAT SEBUAH KELUARGA. NAHAS BAS DI LEBUH RAYA PLUS; WARIS DAN EMPAT ANAK LAYAK TERIMA PENCEN PENAKAT SEPANJANG HAYAT

KUALA LUMPUR: Tanggal 11 Januari lalu, satu tragedi menyayat hati telah meragut nyawa seorang ayah muda dalam kemalangan maut di Kilometer 441.2 Lebuhraya Utara-Selatan. Namun di sebalik kehilangan besar itu, masih ada sinar perlindungan buat keluarga yang ditinggalkan.

Balu Allahyarham, bersama empat orang anaknya, kini disahkan layak menerima Pencen Penakat daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Allahyarham Luqman Nul Hakim bin Halim, 36 tahun, yang bekerja sebagai Polis Bantuan di Genting Sungei Rayat Estate, merupakan pencarum aktif di bawah skim LINDUNG Pekerja, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).

Menurut PERKESO, hasil semakan mendapati caruman terakhir Allahyarham adalah pada Disember 2025, sekali gus mengekalkan status beliau sebagai pencarum aktif. Dengan itu, keluarganya layak menerima manfaat penuh susulan tragedi yang berlaku pada 11 Januari lalu.

Allahyarham meninggalkan seorang balu, Siti Nabilah Mohd Ridzuan, 39 tahun, serta empat orang anak lelaki; Lutfan Syawal, Lutfi Syamel, Lutfil Syamin dan Luth Syauqi yang masing-masing berusia antara sembilan bulan hingga sembilan tahun.

Kesemua waris Allahyarham layak menerima Pencen Penakat bulanan berjumlah RM1,493.78 yang akan dibayar kepada balu serta anak-anak mengikut syer masing-masing.

Balu Allahyarham akan menerima faedah pencen bulanan untuk sepanjang hayat, manakala empat anaknya diberikan faedah sama sehingga berusia 21 tahun atau akan dilanjutkan sehingga tamat pengajian peringkat ijazah pertama.

Selain itu, keluarga turut layak menerima Faedah Pengurusan Mayat sebanyak RM3,000 secara sekali bayar sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta 4.

Tragedi ini berlaku ketika Allahyarham sekeluarga dalam perjalanan pulang ke Batu Pahat, Johor menaiki bas ekspres selepas menziarahi jenazah ibu tiri di Jitra, Kedah. Namun di

Kilometer 441.2 Lebuhraya Utara-Selatan arah selatan, bas yang dinaiki mereka bertembung dengan sebuah lori tiga tan.

Akibat pelanggaran tersebut, Allahyarham mengalami kecederaan parah dan disahkan meninggal dunia akibat kecederaan dalaman yang teruk dengan komplikasi penyakit jantung.

Sebagai tanda keprihatinan, Skuad PERKESO Prihatin telah digerakkan bagi membantu keluarga Allahyarham. Ziarah Prihatin turut dilakukan ke atas waris pada 15 Januari lalu, selain penyampaian Kotak Prihatin bagi meringankan beban yang dipikul keluarga mangsa.

Tragedi ini menjadi peringatan bahawa pematuhan caruman secara berterusan oleh majikan adalah amat penting bagi memastikan pekerja dan waris mereka menerima perlindungan sosial yang sewajarnya apabila musibah tidak diduga berlaku.

Kerana di sebalik sebuah kehilangan, perlindungan sosial menjadi benteng terakhir buat keluarga yang ditinggalkan.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat
20 Januari 2026

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Iklil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my